



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KEBERSIHAN
PREMIS MAKANAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

17 OGOS 2018 (JUMAAT)
8.30 PAGI

PASAR MPSP
TAMAN BERJAYA
NIBONG TEBAL

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Peniaga Pasar MPSP Taman Berjaya

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Premis Makanan. Saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan para hadirin sekalian kerana sudi hadir untuk menjayakan majlis pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Kempen ini bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan kebersihan persekitaran di premis makanan. Sebagai pengendali makanan, peranan amatlah penting dalam menjamin kebersihan dan keselamatan makanan di premis makanan.

Kebersihan persekitaran merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan seharian kita selaras dengan amalan dan budaya masyarakat kita. Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesuatu masyarakat.

Tanggungjawab menjaga kebersihan selalunya dianggap sebagai tugas pihak berkuasa tempatan, dalam hal ini MPSP. Pandangan ini adalah salah. Tidak ada Kerajaan di dunia ini yang boleh membersihkan alam sekitar jika rakyat mengotorkannya sepanjang masa. Apakah dapat Kerajaan menghantar tukang sapu untuk mengutip atau menyapu setiap kali kita membuang sampah?

MPSP telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kebersihan awam dan persekitaran termasuklah kebersihan di premis makanan. Isu kebersihan premis makanan merupakan perkara yang serius yang perlu kita titik berat. Premis makanan yang bersih, seperti di restoran, restoran makanan segera, kedai makan, kafeteria, kiosk, medan selera dan gerai makanan akan menarik lebih ramai pelanggan, dan itu adalah baik untuk perniagaan kerana pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan untuk mereka. Kebersihan premis makanan akan membuatkan pelanggan lebih selesa dan sudah pastinya mereka akan mengunjungi semula ke tempat kita.

Bagi meningkatkan tahap kebersihan premis makanan di Seberang Perai, MPSP telah melaksanakan program penggredan dan penguatkuasaan sejak tahun 2010 bagi premis-premis makanan yang menumpukan kepada tahap kebersihan premis makanan. Ianya juga

adalah untuk memastikan pemilik premis makanan mematuhi peraturan dan memudahkan pengguna membuat penilaian serta memudahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci.

Aktiviti pemeriksaan premis makanan dijalankan enam (6) bulan sekali oleh MPSP untuk menilai tahap kebersihan berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Premis makanan yang mencapai tahap kebersihan yang cemerlang diberikan penghargaan berupa stiker (GRED A & B). Skema penggredan adalah berpandukan kriteria-kriteria berikut:-

- i. Kawasan penyediaan makanan (25%)
- ii. Kawasan penyajian makanan (18%)
- iii. Pengendali makanan (13%)
- iv. Sistem bekalan air (5%)
- v. Kemudahan sanitasi (12%)
- vi. Struktur dan penyelenggaraan premis (11%)
- vii. Lain-lain (generik) (16%)

Peratusan pencapaian untuk setiap gred yang ditetapkan adalah:-

Gred A	-	80 – 100%
Gred B	-	65 – 79%
Gred C	-	50 – 64%
Gred D	-	< 50%

Penggredan makanan bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik premis dalam mempertingkatkan dan mengekalkan tahap kebersihan premis makanan masing-masing. Cara penyediaan makanan yang betul diberi penekanan bagi mengelakkan dari pelbagai penyakit berjangkit bawaan makanan dan minuman seperti taun, demam kepialu dan keracunan makanan.

Selain itu, pengguna juga dinasihati supaya menilai serta memilih premis makanan yang sentiasa menjaga kebersihan mengikut garis panduan dan undang-undang.

Sejak sistem penggredan premis makanan dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 2017 didapati ada peningkatan positif bagi premis-premis makanan di Seberang Perai:-

Premis Makanan Gred A - meningkat daripada 2.79% ke 17.36%;

Premis Makanan Gred B - meningkat daripada 3.71% ke 34.15%;

Premis Makanan Gred C - menurun daripada 92.1% ke 48.49%;

Premis Makanan Gred D - menurun daripada 1.45% ke 0%.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Kempen Kebersihan Permis Makanan yang dilancarkan hari ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat atau dalam Bahasa Inggeris, "*Cleaner, Greener, Healthier and Safer Penang*" seiring ke arah pencapaian Pulau Pinang Bandar bertaraf antarabangsa. Kempen ini bertujuan memberi tumpuan kepada pendidikan kebersihan di premis makanan serta meningkatkan tahap kebersihan dan tahap Gred 'C' kepada Gred 'B' atau 'A' di lokasi tumpuan awam. Kempen ini tidak terikat dengan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP telah melaksanakan pemeriksaan dan pengredan ke atas 2,141 premis makanan di Seberang Perai yang dilesenkan oleh MPSP pada tahun 2018 bagi tempoh enam (6) dari Januari hingga Jun 2018. Hasil pemeriksaan didapati premis makanan tahap gred 'A' & 'B' masih rendah iaitu 38.39% sahaja (822 premis), manakala premis makanan yang mendapat Gred C adalah 61.61% (1,319 premis) di mana 29.41% (388 premis) adalah di Seberang Perai Utara, 34.27% (452 premis) di Seberang Perai Tengah dan 36.32% (479 premis) di Seberang Perai Selatan.

Kempen Kebersihan Premis Makanan ini akan bermula pada 31 Julai hingga 3 Februari 2019 dan dipecahkan kepada beberapa fasa. Fasa Pertama iaitu 'Pendidikan' bermula pada 31 Julai hingga 30 November 2018. Fasa kedua adalah 'Penguatkuasaan' yang bermula pada 3 Disember 2018 hingga 3 Februari 2019.

Objektif Kempen Kebersihan Premis Makanan ini adalah:-

- i. Menyalurkan informasi kesihatan kepada pengusaha / pengendali makanan.
- ii. Memberi kesedaran mengenai tatacara pengurusan premis berdasarkan syarat yang telah ditetapkan.
- iii. Mempertingkatkan / mengekalkan tahap kebersihan di premis makanan
- iv. Memperbaiki amalan yang tidak betul / berisiko oleh pengendali makanan semasa mengendali makanan
- v. Pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang (*"Educational Enforcement"*)

Kaedah “*Educational Enforcement*” akan digunapakai bagi memberi kesedaran kepada pengendali makanan / pengusaha premis makanan tentang aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang perlu ditingkatkan. Poster dan risalah akan diedarkan kepada setiap premis yang di lawati. Setiap premis yang diperiksa juga akan diberi surat penambahbaikan tahap kebersihan dan ditandatangani oleh pemilik premis itu sendiri sebagai akujanji untuk mematuhi segala arahan yang telah ditetapkan di bawah syarat pelesenan dan kesihatan MPSP.

Pada 6 Jun 2018, dalam Mesyuarat Task Force Kempen Kebersihan Premis Makanan, Pasukan Kerja Isu Kebersihan Premis Makanan Seberang Perai ditubuhkan yang terdiri pegawai teknikal jabatan MPSP [Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (Urusetia), Jabatan Pelesenan dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan] bersama 12 Ahli Majlis MPSP menggunakan kaedah “*Direct Approach*” bagi mengenalpasti punca dan cadangan penambahbaikan “Gred” premis makanan.

Setiap pasukan akan terdiri daripada empat (4) orang Ahli Majlis dan 8 pegawai MPSP. Pemeriksaan akan dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) hari seminggu bagi setiap kumpulan. Kumpulan sasaran adalah melibatkan premis terpilih yang mendapat Gred ‘C’ pada tahun 2017 & 2018 termasuk Gerai MPSP & swasta.

Setiap premis makanan yang dilawati diberi tempoh 14 hari hingga berakhir 30 November 2018 untuk membuat penambahbaikan. Pada Disember 2018 premis yang telah diperiksa semasa kempen ini akan dilawati semula bagi meneliti penambahbaikan yang telah dilaksanakan berdasarkan surat arahan kerja. Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya pemunya gagal mematuhi arahan kerja yang telah dikeluarkan oleh MPSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Adalah diharapkan kempen ini dapat meningkatkan lagi tahap kebersihan dan gred premis makanan, di samping melindungi kesihatan orang dari penyakit-penyakit bawaan makanan dan air seperti Keracunan Makanan, Kolera, Tifoid, Disenteri, dan Hepatitis A. Ianya juga dapat membantu dalam peningkatan ekonomi setempat dan mempromosikan lagi industri makanan dan pelancongan di Seberang Perai.

Diharapkan dengan program seperti ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu "**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**" atau "**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**".

Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah atas usaha yang dicurahkan oleh semua pihak bagi menjayakan Kempen Kebersihan Premis Makanan ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH, saya merasmikan Kempen Kebersihan Premis Makanan.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.